

# 31

## *Pengembangan Isi E-mel Tidak Rasmi Melalui Teknik N/SSM*

**Maznah Md Rashid**

maznah\_md\_rashid@moe.edu.sg

**Nur Khairiani Jamal**

Sekolah Menengah St. Hilda's  
nur\_khairiani\_jamal@moe.edu.sg

### Abstrak

Pengajaran penulisan e-mel merupakan satu cabaran bagi guru-guru di Sekolah Menengah St Hilda's. Pelajar-pelajar tidak dapat mengembangkan isi e-mel dengan baik dan kurang memahami susunan isi. Isi-isi yang diutarakan tidak dikembangkan dengan tuntas. Justeru, melalui kajian pengajaran, pengkaji telah membina siri pengajaran berpandukan Pemahaman Melalui Reka Bentuk (UBD) bagi menghasilkan sebuah Tugasan Autentik (*Authentic Learning Task*). Teknik pengajaran N/SSM (Nasihat/Saranan-Sebab-Manfaat) telah digunakan untuk membantu para pelajar menangani masalah penyusunan isi dan memandu mereka dalam menghuraikan isi dengan bernes. Dengan menggunakan alat ICT, pengajaran ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam komponen Pembelajaran Kendiri (SDL) dan Pembelajaran Kolaboratif (CoL), sejajar dengan Kemahiran Abad ke-21. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar berjaya mengembangkan isi e-mel dengan bernes dan jelas sekaligus memperbaik penyusunan isi.

### Kata kunci

E-mel, Pemahaman Melalui Reka Bentuk (UBD), Tugasan Autentik (*Authentic Learning Task*), Pembelajaran Kendiri (SDL), Pembelajaran Kolaboratif (CoL)

## **PENGENALAN**

Penulisan e-mel tidak rasmi yang tuntas dan tersusun merupakan satu cabaran bagi pelajar-pelajar Bahasa Melayu di sekolah kami. Antara faktor yang menghambat kebolehan pelajar menulis e-mel tidak rasmi dengan baik termasuklah kekurangan isi dan ketidakupayaan dalam pengembangan isi serta penyusunan idea. Oleh itu, untuk memastikan matlamat pengajaran penulisan e-mel tidak rasmi dicapai, penggunaan strategi pengajaran yang berkesan telah dilaksanakan. Strategi pengajaran yang dibentuk berpaksikan rangka kerja Pengajaran Pembezaan: Differentiated Instruction (DI) dan pedagogi yang berteraskan ICT – platform Edmodo, Instagram dan Padlet.com sebagai alat rangsangan dan pembelajaran kendiri. Teknik pengajaran N/SSM (Nasihat/Saranan-Sebab-Manfaat) telah digunakan untuk membantu para pelajar menangani masalah penyusunan isi dan memandu mereka untuk menghuraikan isi dengan bernal.

Guru-guru berpeluang untuk memperhalusi rancangan pengajaran melalui projek kajian pengajaran yang berpusatkan kebolehan dan keperluan pelajar. Dapatan pra dan pasca kajian memperlihatkan bukan sahaja peningkatan pada pengolahan isi, malah juga penyusunan kandungan isi yang berkesan bagi e-mel tidak rasmi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Penulisan e-mel jenis tidak rasmi kerap kali menjadi pilihan popular dalam kalangan pelajar St. Hilda's jika dibandingkan dengan penulisan e-mel rasmi. Mereka berpendapat bahawa adalah lebih mudah untuk menulis e-mel jenis tidak rasmi berbanding dengan e-mel jenis rasmi yang memerlukan laras bahasa formal, tahap penguasaan bahasa yang baik dan pengetahuan sedia ada yang lebih luas. Namun demikian, melalui pengamatan guru-guru, hasil kerja para pelajar seringkali tidak tuntas dan hambar. Para pelajar sekadar menyenaraikan sarana-saranan tanpa memikirkan sebab mereka mengutarkan saranan-saranan tersebut dan manfaat yang dapat diraih melalui saranan-saranan yang diutarakan. Idea-idea tidak dikembangkan dengan sangat jelas dan ini mengakibatkan para pelajar gagal meraih markah Band 1 bagi komponen isi.

Keceluaran fikiran para pelajar juga jelas terpancar dalam penulisan e-mel tidak rasmi kerana mereka tidak berjaya menyusun isi kandungan e-mel dengan baik. Justeru, markah bagi susunan/ pemerenggan dan organisasi turut terjejas. Dalam usaha menangani masalah ini, guru-guru telah memikirkan

strategi pengajaran yang efektif, menarik dan bersesuaian dengan minat serta kecenderungan pelajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Fokus pengajaran kami ialah untuk mempertingkatkan kemahiran menghasilkan penulisan e-mel tidak rasmi yang bermutu. Dengan berpandukan teknik N/SSM, pelajar diharapkan dapat merancang penulisan isi secara sistematik sekaligus menghuraikan isi dengan bernas.

Matlamat kajian pengajaran kami adalah seperti berikut:

1. mengajar para pelajar menggunakan teknik N/SSM bagi menghuraikan isi e-mel tidak rasmi secara terperinci;
2. mengorganisasikan isi e-mel tidak rasmi dengan baik; dan
3. memperkasa pelajar dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan pengaplikasian ICT dalam moda pembelajaran.

Profil pelajar kini terdiri daripada golongan yang celik teknologi maklumat dan menghabiskan sebahagian besar masa mereka melungsuri lelaman sosial. Justeru, potensi wadah Edmodo dan Instagram dimaksimumkan bagi pelajar mencari maklumat serta berkongsi maklumat. Dalam mengharungi alaf yang serba canggih, guru-guru Bahasa Melayu sekolah kami akur bahawa penggunaan ICT perlu diintegrasikan sebagai pemangkin proses pembelajaran para pelajar. Guru-guru juga akur akan kepentingan melengkapkan para pelajar dengan CIT (*Critical and Inventive Thinking Skills*) dan ICS (*Information and Communication Skills*) yang merupakan Kemahiran Abad ke-21 (*21st Century Competencies*).

## **KAJIAN LITERATUR**

Melalui pendekatan alat inovasi S.O.L.V.E, guru-guru di SHSS telah:

- Mengenal pasti permasalahan yang wujud berdasarkan data yang dikumpul (S)
- Memantau situasi dengan memberi tumpuan kepada corak pembelajaran subjek kajian (O)
- Mencari dan menjana idea serta cara untuk mempertingkatkan keadaan sedia ada (L)
- Mengesahkan kebolehlaksanaan cara-cara yang dijana lalu menjalankannya (V)
- Menilai keberkesanan cara-cara yang dijalankan (E)

Bertolak dari alat inovasi ini, kami merangkakan kajian kami dengan menerapkan kajian lepas dan kaedah-kaedah yang relevan iaitu '*Understanding by Design*' yang lebih dikenali sebagai Pemahaman Melalui Reka Bentuk (UBD) dan '*Differentiated Instructions*' atau lebih dikenali sebagai Pengajaran Pembezaan.

Berpandukan kaedah UBD yang tertumpu kepada Idea Keseluruhan (*Big Idea*) dan Pemahaman Mantap (*Enduring Understanding*), pengajaran kami telah menetapkan idea besar kami sebagai Komunikasi di mana kami ingin menekankan kepentingan komunikasi yang baik (dalam hal ini, penulisan e-mel yang baik) adalah penting dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan betul. Menurut Jay McTighe dan Grant Wiggins (2004), idea keseluruhan merupakan suatu konsep yang mampu diaplikasi ke bidang lain (*transferable*) berdasarkan prinsip-prinsip dan teori yang menjadi tumpuan utama bagi kurikulum, pengajaran dan penulisan. Berlandaskan kedua-dua komponen penting dalam UBD inilah, lakaran bagi teknik dan rancangan pengajaran dilakarkan.

Pengajaran pembezaan merupakan strategi pembelajaran yang membenarkan guru untuk mencapai objektif pengajaran yang optimal dalam konteks keupayaan pelajar yang rencam. Kepelbagaiannya dalam pengajaran boleh diwujudkan melalui empat pendekatan, sama ada kepelbagaiannya dalam isi pengajaran, proses pengajaran, hasil pembelajaran ataupun suasana pembelajaran mengikut tahap keupayaan individu pelajar. Tahap keupayaan pelajar yang dimaksudkan ialah '*High Progress*', '*Middle Progress*' dan '*Low Progress*'.

Gayle dan Chapman (2007) mengenal pasti pengajaran pembezaan sebagai falsafah yang memberi ruang kepada pendidik untuk merancang secara strategik demi memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai di kelas hari ini. Pembezaan bukan suatu peralatan tetapi suatu sistem pemikiran yang para pendidik perlu terima untuk memenuhi keperluan khas setiap pelajar.

## Alat Rangsangan ICT

Instagram digunakan sebagai platform menarik minat pelajar mengenai topik, 'Demam Denggi'. Secara kendiri, pelajar mampu membuat kajian tentang punca demam denggi, simptom demam denggi dan sebagainya lalu berkongsi maklumat dengan rakan-rakan sekelas dengan menaip 'post' mereka di dalam lelaman Instagram.

Aktiviti ini menggalakkan SDL (*Self-Directed Learning*). Selain itu,

membuat kerja yang berkaitan dengan pelajaran yang akan diajarkan terlebih dahulu semula kelas dijalankan adalah selari dengan initiatif baharu yang giat digalakkan di sekolah-sekolah yang berlandaskan Flipped Classroom. Memuat naikkan gambar-gambar yang berkaitan dengan pengajaran dan juga mengalukan penyertaan pelajar dari segi komen dan sebagainya, menjimatkan masa dan juga memberikan pelajar kuasa untuk mengatur masa mereka sendiri.

Selain itu, konsep *Flipped Classroom* dengan menggunakan wahana ICT seperti Instagram ini, juga menjadikan pelajaran lebih menarik.

Padlet pula digunakan sebagai alat ICT yang menjalinkan pelajar kepada lelaman web mahupun lelaman induk video yang diterapkan ke dalam kod tersebut. Alat ini digunakan dalam aktiviti berkumpulan dengan memanfaatkan iPad.

Dalam era ICT kini, para pelajar semakin terdorong untuk belajar sekiranya corak pembelajaran berlandaskan wadah ICT. Penggunaan platform Edmodo, Instagram dan Padlet telah mendapat sambutan yang positif oleh subjek kajian. Pengajaran berpusatkan pelajar berjaya dilaksanakan. Malah, pengajaran berteraskan ICT ini telah menggalakkan CoL (*Collaborative Learning*). Bagi pengajaran ini pelajar telah bekerjasama untuk mencerna idea dan juga maklumbalas terhadap video yang ditayangkan. Juga kerja berpasangan yang dibezakan mengikut kebolehan setiap pasangan menjadikan kerja pasangan lebih bermakna.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah St. Hilda's pada akhir penggal satu dan permulaan penggal dua tahun 2014.

Kajian ini juga dilakukan berlandaskan Kajian Pengajaran yang melibatkan dua kitaran pelajaran yang dijalankan berdasarkan rancangan pengajaran yang asas tetapi diolah mengikut maklumbalas dan pencerapan pada kitaran pengajaran yang pertama. Peningkatan dan penambah-baikan dijalankan terhadap kitaran pengajaran yang kedua agar matlamat keseluruhan pengajaran dapat dicapai dengan lebih baik lagi.

Kaedah pengumpulan data dilakukan secara formatif, melalui maklum balas rakan sebaya dan juga perbandingan hasil penulisan e-mel pelajar pra dan pasca kajian. Ia melibatkan kajian kualitatif bagi memperoleh dapatan kajian.

## **SUBJEK KAJIAN**

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar dari kelas menengah 2 pada tahun 2014. Mereka adalah para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu dalam aliran Ekspres. Terdapat sejumlah 12 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan tahap keupayaan masing-masing; HP -- *High Progress*, MP – *Medium Progress* dan LP – *Low Progress*.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Satu praujian dan pasca ujian telah dijalankan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Melalui proses kajian pengajaran, di mana pengajaran telah digubah dan diajarkan kepada kumpulan yang berbeza setelah mengambil kira dapatkan daripada pencerapan pengajaran yang pertama, objektif pengajaran telah dapat dijalankan dengan berkesan.

Kami telah menggunakan proses kajian pengajaran, *Lesson Study*, dalam mengajarkan penulisan e-mel tidak rasmi. Kajian pengajaran adalah suatu budaya yang mengembangkan kemahiran guru melalui kerjasama dalam mengubah sebuah rancangan pengajaran, mengajar, mencerap pengajaran itu bagi tujuan pengumpulan data dan menggunakan hasil pencerapan bagi memperhalus rancangan pengajaran yang sedia ada lantas menghasilkan rancangan pengajaran kitaran kedua pula. Pengajaran kitaran kedua turut dicerap dan diteliti hasilnya.

## **PROSEDUR KAJIAN**

Kajian dijalankan berpandukan kajian pengajaran engan penggunaan alat-alat ICT sebagai wadah bagi menyampaikan pengajaran penulisan isi e-mel. Teknik SSM/ NSSM kemudian diterapkan dalam isi kandungan pengajaran.

Bagi pengajaran ini, aplikasi telefon bijak dan iPAD Instagram digunakan sebagai wadah *Flipped Classroom*. Melalui Instagram, guru akan menghantar gambar-gambar yang berkaitan dengan pengajaran seminggu sebelum pengajaran dijalankan kepada akaun-akaun Instagram pelajar. Pelajar akan memberikan komen dan juga membalaas komen guru yang tertera di bawah setiap kiriman gambar. Gambar-gambar ini juga akan dilengkapi dengan hashtag bagi memudahkan pelajar-pelajar merujuk kepada gambar-gambar yang berkaitan dengan sesuatu isu. Penggunaan hashtag ini juga menjadikan Instagram ini

sebagai sebuah bank maklumat yang tersusun.

Bagi menyusun idea yang dapat digunakan bagi penulisan isi e-mel, para pelajar telah didedahkan kepada penggunaan Padlet yang bertujuan untuk mencernakan respons bagi melahirkan rasa simpati tentang keadaan si penderita dalam video yang dipaparkan. Pelajar juga harus mengisikan lampiran berdasarkan maklumat yang terdapat di klip video. Dengan memuatkan video di dalam lelalaman Padlet ini juga memberikan kebebasan untuk pelajar menonton mengikut keselesaan sendiri. Ini bermakna pelajar bolehlah menghentikan video itu pada bila-bila masa bagi memberikannya masa untuk mengisikan maklumat yang terpampang di video ke dalam lampiran yang disediakan.

Selain daripada itu, isi yang diajarkan kepada pelajar berpandukan teknik SSM/NSM memastikan yang segala maklumat yang diperolehi dalam perbincangan dan hasil kerja kumpulan mereka dapat disusun dan dikembangkan dengan baik agar dapat menjadikannya bernas dan teratur.

Pelajar kemudian ditugaskan secara individu untuk menyelesaikan sebuah *Authentic Learning Task*, atau tugasan yang autentik berdasarkan senario yang diberikan. Mereka diarahkan untuk menuliskan e-mel tentang bagaimana keadaan mereka setelah dijangkiti demam enggi dan saranan mereka untuk menghentikan enggi daripada membiak.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan daripada pengajaran ini menunjukkan yang pelajar lebih berminat dan lebih cenderung meberikan maklum balas dan respons di alam siber. Dengan kemudahan aplikasi telefon bijak dan alat-alat ICT yang digunakan, penyampaian dan penerapan maklumat dalam diri pelajar bertambah lancar. Pelajar dapat menjalankan latihan secara kendiri dengan dibantu oleh guru. Pengajaran ini telah berjaya mencapai objektifnya kerana pelajar telah berjaya menuliskan isi dengan menggunakan teknik SSM/NSM berpandukan maklumat dan contoh yang diperoleh dan dirujuk sendiri melalui wadah-wadah ICT yang digunakan oleh guru.

80% pelajar berjaya mendapatkan 6 markah atau lebih per 8 markah penuh bagi penulisan e-mel setelah pengajaran ini dijalankan buat kali pertama. Kekurangan pada aspek bahasa tetap sama dari segi pemasalahan imbuhan dan struktur ayat, namun dapatan juga mendapat yang kosakata yang digunakan setelah kajian dijalankan adalah lebih meluas dan menunjukkan variasi berbanding dengan sebelum pengajaran ini dijalankan.

## **KESIMPULAN**

Secara tuntas, kajian ini membuktikan bahawa pelajar berjaya menghasilkan isi yang bernalas dan tersusun sekiranya teknik SSM/NSM ini dapat digarap dengan baik. Peningkatan yang jelas dalam mutu penulisan isi e-mel juga diharapkan dapat dikekalkan dan dibaiki dengan adanya pendedahan maklumat secara informal melalui konsep Flipped Classroom dengan bantuan guru-guru.

Konsep ini bukan sahaja telah berjaya meningkatkan mutu penglibatan pelajar tetapi juga dapat menjimatkan masa serta memberikan pelajar autonomi untuk melakukan pembelajaran secara kendiri mengikut jadual yang mereka tetapkan sendiri.

## **RUJUKAN**

- Gayle H. Gregory & Carolyn Chapman (2007), Differentiated Instructional Strategies:  
One Size Doesn't Fit All, Corwin Press USA
- McTighe Jay & Wiggins Grant (2004). Understanding by Design: Professional  
Development Workbook, ASCD USA
- Stepanek, Jennifer, et al (2007) Leading Lesson Study: A Practical Guide for  
Teachers and Facilitators, Corwin Press USA